



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR KEPADA KERAJAAN NEGERI SABAH

**KOTA KINABALU, 7 DISEMBER 2024** – YAB Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyerahkan enam (6) projek siap melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan bernilai RM65.5 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Penyerahan ini melibatkan 3 Projek Tebatan Banjir, 1 Projek Pemuliharaan Muara, 1 Projek Mencegah Hakisan Pantai dan 1 Projek Menaiktaraf Rumah Pam iaitu:-

- i. Rancangan Tebatan Banjir Sg. Tawau, Lembangan Sg.Tawau, Tawau, Sabah (Fasa 1A);
- ii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedamaian/Sungai Tempasuk/Sungai Abai dan Sungai Kawang-Kawang, Kota Belud, Sabah (Pembinaan Ban dan Penstabilan Tebing Sungai);
- iii. Rancangan Tebatan Banjir Bandar Sierra, Lembangan Sg. Telipok, Kota Kinabalu, Sabah;
- iv. Projek Pemuliharaan Sungai Tuaran Di Kg. Tompinahaton, Kiulu, Sabah;
- v. Projek Pemuliharaan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri: Kerja Mencegah Hakisan Pantai Di Kg. Mentadak Baru, Pulau Sebatik, Tawau, Sabah;
- vi. Kerja-Kerja Menaiktaraf Rumah Pam Likas, Likas Lagoon, Kota Kinabalu, Sabah.

Dengan pelaksanaan dan penyiapan 3 projek tebatan banjir ini, seluas 1403ha kawasan banjir dapat dikurangkan dan seramai 20,000 penduduk dapat manfaat dan dilindungi daripada risiko banjir.

Pelaksanaan Projek Pemuliharaan Sungai Tuaran di Kg. Tompinahaton, Kiulu pula telah berjaya mencegah daripada risiko bencana runtuhan tebing sungai seterusnya memberi perlindungan kepada harta benda awam termasuk balai raya, kawasan perkuburan serta 300 kediaman penduduk.

Manakala Projek Mencegah Hakisan Pantai di Kg. Mentadak Baru, Pulau Sebatik telah berjaya memberi perlindungan kepada hampir 1000 penduduk serta kemudahan awam seperti klinik kesihatan, balai polis dan jeti daripada hakisan akibat pukulan ombak. Projek yang direka bentuk secara *in house design* oleh JPS ini dijangka turut membantu menjana industri pelancongan agar berkembang dan seterusnya boleh membantu meningkatkan sumber ekonomi penduduk di kawasan tersebut.

Seterusnya, Projek Pembinaan Menaiktaraf Rumah Pam Likas pula dapat mengurangkan impak banjir di kawasan sekitar melalui peningkatan kecekapan kawalan banjir dengan tahap kesiapsiagaan operasi selama 24 jam dan 7 hari seminggu.

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan Persekutuan menerusi PETRA telah meluluskan 82 projek dengan kos keseluruhan berjumlah RM8.5 bilion untuk Negeri Sabah yang mana jumlah peruntukan semasa di bawah RP4, RMKe-12 pada tahun 2024 adalah RM674.4 juta. Selain itu, JPS Sabah telah diperuntukan sebanyak RM116.77 juta untuk pelaksanaan 27 projek dalam *Rolling Plan 5* (RP5) demi kesejahteraan dan peningkatan sosio-ekonomi Rakyat Sabah.

## KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

7 DISEMBER 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

